

18/10/2000

Pakar tempatan diminta tidak lupakan Malaysia

Kadir Dikoh; Rohaniza Idris

PETALING JAYA, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap cerdik pandai di kalangan anak tempatan yang berada lama di negara asing, tidak lupa kepada negara sendiri dan kembali membantu pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Perdana Menteri berkata, memang ada petanda tenaga pakar itu mahu kembali tetapi masalahnya mereka tidak mempunyai tempat sesuai dari segi kemudahan seperti penyelidikan yang hanya wujud di negara kaya.

"Ketika di Amerika Syarikat, saya melawat beberapa makmal seperti milik Lucent Technology dan Helwett-Pakard dan saya dapati kebanyakan penyelidikannya adalah orang Asia - dari Korea, India dan Pakistan.

"Sudah pasti mereka ini dialu-alukan oleh negara masing-masing untuk kembali. Tetapi jika mereka pulang, sesetengahnya mendapati sukar membuat penyelidikan kerana kemudahan tidak ada, harganya mahal dan hanya terdapat di negara kaya.

"Ini menyebabkan kebanyakan orang kita berhijrah ke negara kaya di mana wujud makmal yang menyediakan peluang kepada mereka membuat penyelidikan intensif dalam pelbagai bidang baru," katanya pada majlis soal jawab dengan kira-kira 2,500 peserta dalam persidangan k-ekonomi anjuran Biro Keanggotaan Berbahasa Inggeris MCA di sini hari ini.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, sesetengahnya yang sudah matang dan menjadi pakar dalam pelbagai teknologi, mahu kembali ke negara sendiri bagi memulakan perniagaan.

Ini berlaku kepada rakyat India dan Taiwan dengan menggunakan rezeki yang diperolehi di negara kaya.

"Saya berharap mereka (anak tempatan) yang tinggal di luar negara, akan ingat tempat lahir mereka, tanah tumpah darah sendiri dan kembali untuk melabur di Malaysia bagi membantu pertumbuhan ekonomi," katanya.

Terdahulu, ketika menyampaikan ucapan pada majlis itu, Dr Mahathir berkata, ramai yang menceburi perniagaan berasaskan elektronik atau e-perniagaan adalah orang muda, lulusan universiti dalam lingkungan umur 20-an, malahan pelajar universiti yang tercicir.

"Ekonomi berasaskan pengetahuan ialah mengenai maklumat dan ilmu yang membawa kepada produk dan perkhidmatan lebih baik.

"Malah menanam sawi boleh menjadi satu kegiatan k-ekonomi jika penanamnya menggunakan Internet untuk mendapatkan maklumat mengenai cara terbaik menanam sawi atau bagaimana menghubungkan bekalan dan permintaan secara lebih berkesan," katanya.

Bagaimanapun, katanya, sementara rakyat Malaysia patut menceburi e-dagang dan ekonomi berasaskan pengetahuan atau k-ekonomi, mereka tidak seharusnya meletakkan harapan terlalu tinggi daripada perniagaan baru ini.

"Banyak keuntungan yang boleh diperolehi daripada aplikasi data dan pengetahuan tepat pada masanya, perisian yang betul dan idea sesuai.

"Sama ada ini baik atau tidak, sukar untuk ditentukan sekarang. Kita tidak mempunyai cukup pengalaman mengenai perjalanan sebenar e-dagang dan k-ekonomi," katanya.

Dr Mahathir berkata, apa yang paling menarik mengenai e-dagang ialah bagaimana mudahnya sesuatu itu menjadi global dan sempadannya tidak menghadkan perniagaan sebagaimana yang berlaku dalam perniagaan cara lama dan penembusan pasaran adalah lebih mudah.

(END)